

Salam,

Kepada semua pelanggan KBC terutama pelanggan dari negara-negara luar Malaysia,

Untuk makluman, pihak Pos Malaysia telah membuat penstrukturan semula kadar tarif mel dan bungkusan bagi penghantaran ke negara-negara luar Malaysia dan menstruktur semula zon destinasi penyerahan yang berkuatkuasa mulai Mei 2013. Ini adalah untuk penambahbaikan perkhidmatan dan lebih nilai untuk pelanggan.

Berikutan perubahan ini, pihak KBC juga dalam proses mengemaskini semula kadar tarif antarabangsa tersebut. Bagi pelanggan dari luar negara Malaysia, anda boleh membuat pesanan seperti biasa di laman web kami tetapi akan ada perubahan pada kos penghantaran mengikut kadar tarif yang baru.

Untuk maklumat lanjut mengenai kadar baru tarif mel dan bungkusan antarabangsa ini, boleh rujuk pada link di sini http://www.pos.com.my/pos_bm/services/posmel/general_mail/international_mail.aspx



Sila Pilih Kategori

Penyelesaian Mel Umum

Mel Standard

Mel Bukan Standard

Poskad

Aerogram

Mel Antarabangsa

Paket POSTerus

Kedai-Buku.com

Selama lebih 200 tahun, Pos Malaysia telah menjadi pengendali pos utama negara yang terus menghubungkan Malaysia ke seluruh dunia dengan menyediakan khidmat pos termasuk mel, paket kecil dan bungkusan ke dalam dan luar negara.

Bersandarkan keupayaan mengendalikan lebih 4 juta mel sehari, Pos Malaysia terus menganjak ke hadapan dengan merintis program-program untuk memodenkan operasi perniagaan mel dan bungkusan yang bertujuan untuk terus memberikan solusi berkuatmenyenangkan pelanggan. Inisiatif-inisiatif strategik ini termasuklah pengkhususan perkhidmatan antarabangsa dengan penstrukturan semula harga untuk penambahbaikan perkhidmatan dan lebih nilai untuk pelanggan. Sejarar dengan ini, Pos Malaysia telah mengkaji semula kadar tarif mel dan bungkusan antarabangsa serta menstruktur semula destinasi penyerahan yang akan berkuatkuasa mulai Mei 2013.

Untuk maklumat lanjut mengenai zon dan kadar baru Tarif Mel Antarabangsa, sila pilih yang tersenarai dibawah Mel Antarabangsa